

17 MAY 2000

Azmi-Petani

KERAJAAN AKAN WUJUD TAPAK KHAS BANTU PENIAGA LUAR BANDAR

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan bekerjasama dalam mewujudkan kawasan perniagaan khas bagi membantu petani memasarkan hasil pertanian mereka di sekitar Kuala Lumpur.

Menteri berkenaan Datuk Azmi Khalid berkata ia bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga kecil dari kampung yang membawa hasil pertanian terutama yang bermusim untuk dijual terus kepada pengguna di ibu kota tetapi tidak mempunyai tempat yang khusus untuk berbuat demikian.

"Adakalanya, mereka mengadu bahan-bahan jualan mereka dirampas atau diberi amaran akan dirampas oleh pihak Penguatkuasa DBKL kerana berniaga di tempat-tempat yang tidak dibenarkan," katanya.

Beliau berkata konsep yang cuba dilaksanakan ini adalah mirip kepada konsep Pasar Tani yang dikelolakan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) tetapi lebih terbuka tanpa dikongkong oleh mana-mana pihak dan tidak mengkhususkan tapak niaga tersebut kepada mana-mana individu tertentu.

"Peniaga yang berminat memasarkan keluaran pertanian mereka boleh berbuat demikian dengan hanya membayar sewa tertentu mengikut tempoh masa atau hari kepada penyelia DBKL yang bertugas pada hari tersebut," katanya pada sidang media di pejabatnya hari ini.

Azmi berkata melalui kaedah itu, para petani akan dapat menjual hasil pertanian mereka secara terus kepada pengguna tanpa menggunakan khidmat orang tengah dan pengguna pula dapat membeli hasil pertanian yang segar dengan harga yang lebih rendah.

Mengenai bagaimana penyeliaan tersebut dapat memastikan kebebasan berniaga itu tidak dieksploitasikan oleh orang asing, Azmi berkata masalah itu akan diatasi dengan mensyaratkan semua peniaga mendapat surat pengesahan daripada wakil rakyat masing-masing sebelum dibenarkan berniaga.

"Mereka perlu tunjuk surat pengesahan wakil rakyat masing-masing kepada penyelia tapak sebagai bukti bahawa mereka adalah petani tulen dan bukannya rakyat asing yang cuba mengambil kesempatan," katanya.

Beliau berkata antara lokasi yang dicadangkan bagi mengadakan tapak perniagaan tersebut ialah di kawasan berdekatan dengan kompleks-kompleks kerajaan sekitar Kuala Lumpur termasuk Putrajaya.

Mengenai politik, Azmi mencadangkan supaya sebuah badan khas ditubuhkan bagi memantau semua agensi kerajaan supaya tidak hanya mementingkan matlamat korporat semata-mata.

Beliau diminta mengulas dakwaan wujudnya agensi kerajaan yang lebih mengutamakan pencapaian matlamat korporat daripada melaksanakan tanggungjawab sebenar terhadap kumpulan sasar mereka seperti yang dibangkitkan oleh perwakilan pada Perhimpunan Agung Umno Ke-54 baru-baru ini.

Katanya kegagalan ketua-ketua agensi itu melaksanakan tanggungjawab mereka akan dilihat sebagai cubaan untuk menindas rakyat, dan ini akan mengakibatkan rakyat berpaling kepada pembangkang.

Beliau berkata ketua-ketua agensi kerajaan perlu sama-sama menyumbang pendapat bagi menyelesaikan apa jua masalah yang timbul dalam pentadbiran mereka dan tidak hanya menunggu sehingga Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mula bersuara.

"Saya tak percaya kita kena tunggu dan serah semua perkara kepada Perdana Menteri sahaja untuk bersuara. Kita sama-sama perlu tangani sebarang masalah," katanya.

-- BERNAMA

NHA AHH LAT